

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(II)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

8. Adakah Jambatan yang menyeberangi Sungai Tengah dari Byram ke Batu Kawan akan dibina?
- (a) Sekiranya ada minta beri jangkaan masa jambatan ini akan dibina.
  - (b) Sekiranya ada selain daripada jambatan ini adakah Jambatan lain akan dibina bagi menyambung kawasan DUN Jawi dengan kawasan Batu Kawan.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Pembinaan jambatan yang menyeberangi Sungai Tengah dari Byram ke Batu Kawan akan dibina oleh pihak Sime Darby sebagai sebahagian pembangunannya seperti yang diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bil. 2/2018 pada 27 Februari 2018.

Pada masa sekarang, pembinaan jambatan ini belum lagi dimulakan oleh pihak Sime Darby. Tempoh jangka masa pembinaan jambatan ini adalah berdasarkan kemajuan projek pembangunan Sime Darby kelak, di mana pihak Sime Darby dikehendaki menyediakan infrastruktur yang sempurna bagi pembangunan perindustrian yang dijalankan.

Setakat ini, tiada cadangan untuk membina jambatan lain selain jambatan menyeberangi Sungai Tengah ini bagi menyambung kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Jawi dengan kawasan

Batu Kawan.